

Ms.58

→ BISNES

Angkasa mahu jadikan Kedah hab pengeluaran jagung bijirin

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bercadang menjadikan Kedah sebagai hab pengeluaran jagung bijirin selepas projek tanaman itu di Napoh dekat Jitra mengeluarkan hasil pada September ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata menerusi usaha sama yang baik antara pihaknya dengan syarikat perladangan, Famox Plantation (M) Sdn. Bhd, projek itu diyakini mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bijirin bagi kegunaan makanan ternakan tempatan.

Katanya, sehingga kini tanaman jagung di kawasan tanah seluas 83 hektar menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dan Angkasa akan memperluaskan tanaman itu di daerah lain dengan anggaran peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.7 juta.

“Kerjasama kita dengan Famox Plantation (M) Sdn Bhd pada Mei lalu sudah menampakkan hasilnya apabila kita menjangkakan dapat menghasilkan kira-kira 520 tan jagung bijirin dengan pulangan kepada koperasi sebanyak RM1.2 juta.

“Ianya projek fasa pertama dengan peruntukkan kira-kira RM700,000, Insya-Allah kita bersedia untuk memperluaskan tanaman ini di kawasan lain dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah yang menunjukkan minat berkenaan industri terbabit,” katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkasa negeri Kedah di Yan, semalam.

Abdul Fattah berkata, sekiranya projek terbabit berjaya mencapai objektif yang disasarkan, Angkasa berhasrat mengembangkannya dengan pembabitan 12 koperasi di kawasan lain yang akan ditentukan kemudian.

“Dengan penghasilan sendiri jagung bijirin ini, saya percaya ramai penternak di negeri ini akan mudah mendapatkan produk terbabit dengan harga lebih murah dan halal, pada masa sama, ia dapat menambahkan hasil kepada anggota koperasi,” katanya.

BERNAMA
Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA